

## Semua pihak berperanan jamin kelestarian bekalan air



Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian  
Undang-Undang,  
Universiti Utara  
Malaysia

Oleh Dr Muhammad Nazrul Abd Rani  
bhrencana@bh.com.my

Air adalah asas kehidupan dan kita bertuah memiliki sumber air melimpah di negara ini. Namun, cabaran memastikan bekalan air berterusan dan berkualiti tetap wujud.

Isu pencemaran sungai, kebocoran paip, penyelenggaraan infrastruktur kurang memuaskan dan perubahan iklim mengancam kelestarian bekalan air negara ini.

Contohnya pada September 2020, lebih 1.2 juta pengguna di Lembah Klang terjejas akibat pencemaran di Loji Rawatan Air Sungai Selangor, manakala pada Disember 2023, kebocoran saluran paip di Loji

Rawatan Air Sungai Dua, Pulau Pinang, menyebabkan gangguan bekalan air kepada 590,000 pengguna.

Antara cabaran utama ialah isu Air Tidak Terhasil (NRW) adalah kadar NRW Kebangsaan melebihi 30 peratus setiap tahun dari 2018 hingga 2023, menyebabkan kerugian dianggarkan RM2 bilion pada 2022.

Pertambahan penduduk dan perkembangan ekonomi juga menambah tekanan terhadap bekalan air, terutama di Selangor dengan permintaan air terawat mencapai kapasiti maksimum loji rawatan

air antara 2018 hingga 2020.

Inisiatif untuk transformasi industri perkhidmatan air negara bermula lebih 10 tahun lalu. Kerajaan Persekutuan memindahkan bidang kuasa air daripada Senarai Negeri kepada Senarai Bersama melalui pindaan Perlembagaan pada 2005.

Ini memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengawal selia perkhidmatan air, manakala negeri mengekalkan hak ke atas sumber air. Kerajaan juga menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengawal selia industri perkhidmatan air dengan setiap operator air perlu mematuhi peraturan dan standard ditetapkan.

Komitmen kerajaan terhadap kelestarian bekalan air ditunjukkan melalui peruntukan besar untuk pembangunan infrastruktur air: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM500 juta untuk Kelantan; Labuan (RM300 juta) dan projek pengurusan bekalan air Perak-Pulau Pinang (RM4 bilion).

Operator air dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perlesenan) 2007 bertanggungjawab memastikan bekalan air bersih dan berkualiti kepada pengguna.

Mereka perlu memastikan loji rawatan air berfungsi dengan cekap, memantau kualiti air mentah dan mengurangkan risiko kebocoran. Teknologi seperti meter pintar serta sistem pengurusan

kebocoran canggih adalah langkah penting meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kos.

Rakyat juga berperanan penting dalam memastikan kelestarian perkhidmatan air. Penggunaan air domestik per kapita masih tinggi, iaitu 228 liter sehari pada 2023, jauh lebih tinggi berbanding Singapura (141 liter sehari).

Langkah seperti menutup paip dengan rapat dan menggunakan peralatan penjimatan air perlu diamalkan untuk mengurangkan pembaziran. Rakyat juga perlu peka terhadap isu pencemaran air dan elakkan membuang sampah atau bahan kimia ke dalam sistem saliran atau sungai.

Pembabitin dalam inisiatif komuniti untuk memulihara sumber air seperti kempen pembersihan sungai atau projek pemuliharaan air tanah, juga penting.

Kelestarian perkhidmatan bekalan air adalah tanggungjawab bersama. Kerjasama antara kerajaan, operator air dan rakyat diperlukan untuk memastikan bekalan air berkualiti serta berterusan.

Dengan komitmen dan langkah proaktif, kita dapat memastikan bekalan air bersih dapat dinikmati generasi kini dan masa hadapan. Air adalah sumber kehidupan yang tidak ternilai dengan setiap pihak perlu berperanan demi masa depan lebih baik.